

29/11/1999

Fahaman sempit dibendung

Hassan Omar

JITRA, Ahad - Kerajaan berjaya menghalang penyebaran fahaman sempit dan kolot yang tidak sesuai dengan Islam oleh golongan tertentu di kalangan pengunjung Masjid Putra di Putrajaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pihak terbabit yang mengiktiraf kepentingan masjid sebagai tempat beribadat dan mengeratkan hubungan umat Islam, cuba mempengaruhi pengunjung menerima fahaman salah mereka.

Beliau berkata, usaha itu berjaya dihalang sebelum berleluasa bagi menjamin kesucian masjid sebagai tempat beribadah dan bukannya tempat menyebarkan fahaman sempit dan kolot.

Dr Mahathir berkata, kejadian itu membuktikan pihak berkenaan mencampurkan kepentingan politik mereka dengan Islam sehingga menggunakan masjid sebagai pentas menyebarkan perjuangan parti politik mereka.

"Sebelum kita dapat kawal sudah ada percubaan pihak tertentu yang menekankan fahaman sempit untuk menyebarkan fahaman kolot yang tidak sesuai dengan Islam di kalangan orang yang melawat Masjid Putra.

"Kita dapat menghalang percubaan untuk mengotorkan masjid itu," katanya pada majlis meletakkan batu asas pembinaan Masjid Bandar Darul Aman, di sini hari ini.

Masjid Bandar Darul Aman bernilai RM2 juta itu bakal dibina di kawasan seluas 0.44 hektar bagi menampung 2,405 anak kariah kawasan itu.

Peruntukan sebanyak RM1.7 juta diluluskan Jabatan Perdana Menteri (JPM), manakala bakinya diperoleh melalui sumbangan individu dan syarikat korporat.

Masjid Putra yang mampu menampung 15,000 jemaah mula digunakan pada 25 Jun lalu.

Perdana Menteri juga mengingatkan umat Islam supaya tidak terpedaya dengan dakwah pihak tertentu yang tidak segan menggunakan masjid untuk memecah-belahkan umat Islam menerusi khutbah Jumaat.

"Ada imam yang dapat peluang membaca khutbah Jumaat, tetapi menggunakannya untuk memaki kerajaan. Ini amat menyedihkan kerana khutbah bukan untuk memaki orang lain," katanya.

Ketika melancarkan penggunaan pelekat kereta 'Syabas Malaysia' anjuran Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia di Stesen Teksi Jitra, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneliti masalah pemilik teksi dan berusaha membantu mereka.

Katanya, untuk memastikan pemilik teksi memperoleh penumpang, kerajaan berusaha memajukan ekonomi negara bagi membolehkan rakyat berbelanja.

Selain itu, kata Dr Mahathir, tiada gunanya jika kerajaan mengeluarkan terlalu banyak permit teksi tetapi tiada penumpang menggunakan perkhidmatan berkenaan.

"Yang penting, kita mesti memajukan negara, barulah ada orang nak naik teksi. Kalau orang miskin, tak adalah orang nak naik teksi.

"Kerajaan memberi pengakuan akan meneliti masalah pemilik teksi. Apa-apa yang boleh kita tolong, kita cuba buat," katanya.

Perdana Menteri yang kemudian melawat syarikat pengeluaran cendawan atau ganoderma, DXN Marketing Sdn Bhd di Bukit Wang, dekat sini, berkata kejayaan syarikat itu mengeksport keluarannya membuktikan barangan tempatan mampu dipasarkan di peringkat antarabangsa jika usahawan bersungguh-sungguh memajukan perniagaan.

Berucap pada majlis perjumpaan dengan Persatuan Bekas Tentera di

Institut Perguruan Darul Aman (IPDA) selepas itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengabaikan nasib mereka bagi menghargai budi dan pengorbanan memastikan kedaulatan negara.

"Kerajaan akan membalas budi tentera yang berkorban untuk negara. Kita terhutang budi kepada bekas tentera dan kita akan cuba sedaya upaya untuk membantu.

"Saya akan beritahu calon (pilihan raya) yang menang, mereka terhutang budi kepada bekas tentera dan ahli keluarga bekas tentera," katanya.

(END)